

26/07/2002

Umno ada bukti kukuh tindakan ganas penyokong Pas

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno mempunyai bukti kukuh berhubung tindakan ganas dan tidak bersopan yang dilakukan penyokong Pas pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini.

Naib Presidennya Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata bahan bukti itu termasuk dalam bentuk pita rakaman, bahan cetak dan laporan polis.

"Jawatankuasa Pengurusan Umno sedang meneliti setiap bahan bukti itu dan akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) sebelum dikemukakan kepada kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, MT membuat keputusan untuk menyerahkan laporan kepada kerajaan mengenai tindakan ganas penyokong Pas.

Langkah itu bertujuan memastikan tindakan melampau seperti itu tidak berleluasa dan berterusan sehingga boleh mencetuskan rusuhan pada masa depan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cara yang digunakan Pas amat berbahaya dan boleh menjejaskan imej negara.

Mengulas keputusan MT, Muhammad berkata, Umno akan mengumpul setiap bahan bukti termasuk ugutan dan gangguan terhadap ahli Puteri dan Wanita Umno ketika menjalankan kempen.

Ditanya mengapa kejadian ganas hanya berlaku di kawasan majoriti Melayu, beliau berkata, perkara itu disebabkan pengaruh dan sentimen yang dimainkan Pas.

"Perkara ini semuanya bermula daripada Pas. Ia amat membimbangkan kerana Pas boleh memecahbelahkan perpaduan Melayu dengan tindakannya terutama dalam mencabar, mengugut dan menentang pihak berkuasa ketika berkempen," katanya.